

Bil. S 11

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83)

PERINTAH DARURAT
(PENGUATKUASAAN TIMBAL BALIK PENGHAKIMAN ASING), 1996

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

BAHAGIAN I

PENDAFTARAN PENGHAKIMAN ASING

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Penguatkuasaan Timbal Balik Penghakiman Asing), 1996.

Gelaran
pendek.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah suatu Perintah untuk mengadakan syarat bagi penguatkuasaan di Negara Brunei Darussalam penghakiman yang diberikan di negara-negara asing bagi penguatkuasaan di negara-negara asing penghakiman yang diberikan di Negara Brunei Darussalam dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakan makna yang lain –

Tafsiran.

“rayuan” termasuk sebarang prosiding dengan cara melepaskan atau mengetepikan suatu penghakiman atau suatu permohonan untuk pembicaraan baru atau penggantungan pelaksanaan ;

“negara mahkamah asal” bermakna negara di mana mahkamah asal terletak ;

“negara asing” bermakna mana-mana negara selain Negara Brunei Darussalam ;

“penghakiman” bermakna –

- (a) suatu penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat oleh sesebuah mahkamah dalam sebarang prosiding sivil ;
- (b) suatu penghakiman dalam sebarang prosiding jenayah bagi pembayaran suatu jumlah wang berkaitan dengan pampasan atau gantirugi kepada pihak tercedera ;
- (c) suatu award dalam prosiding atas suatu timbangtara.

"si piutang penghakiman" bermakna orang yang untuk faedahnya penghakiman diberikan dan mana-mana orang yang padanya hak-hak di bawah penghakiman menjadi terletak dengan cara pewarisan atau penyerahan hak ataupun dengan cara lain ;

"penghutang penghakiman" bermakna orang yang terhadapnya penghakiman diberikan, dan mana-mana orang yang terhadapnya penghakiman boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang mahkamah asal ;

"Menteri" bermakna Menteri Undang-Undang ;

"mahkamah asal", berhubung dengan sebarang penghakiman, bermakna mahkamah yang memberi penghakiman ;

"ditetapkan" bermakna ditetapkan oleh Aturan-Aturan Mahkamah ;

"pendaftaran" bermakna pendaftaran di bawah Perintah ini dan "daftar" dan "didaftarkan" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya ;

"mahkamah pendaftar", berhubung dengan sebarang penghakiman, bermakna mahkamah yang kepadanya suatu permohonan untuk mendaftarkan penghakiman dibuat.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, "tindakan in personam" hendaklah tidak dianggap termasuk sebarang prosiding berkaitan dengan sebarang perkara yang berikut –

- (a) sebarang guaman atau perkara hal-ehwal suami isteri ;
- (b) pentadbiran harta pusaka seseorang yang telah mati ;
- (c) kebangkrapan ;
- (d) penggulungan sesebuah syarikat ;
- (e) gila ; atau
- (f) penjagaan seseorang anak damit.

(3) Tertakluk kepada Aturan-Aturan Mahkamah, sebarang kuasa yang diberikan oleh Perintah ini kepada mana-mana mahkamah boleh dijalankan oleh seseorang hakim mahkamah itu.

Kuasa untuk memperluaskan Perintah kepada negara-negara asing yang memberikan layanan timbal balik.

3. (1) Menteri, jika dia berpuas hati bahawa layanan timbal balik sepenuhnya akan dijamin mengenai penguatkuasaan penghakiman di sesebuah negara asing yang diberikan di Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam, boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* mengarahkan –

- (a) bahawa Perintah ini hendaklah diperluaskan kepada negara asing itu ; dan
- (b) bahawa mahkamah-mahkamah negara asing itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah tersebut hendaklah dianggap sebagai mahkamah-mahkamah atasan negara itu bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Sebarang penghakiman mahkamah atasan sesebuah negara asing yang diperluaskan Perintah ini, selain suatu penghakiman mahkamah tersebut yang diberikan atas rayuan dari keputusan sesebuah mahkamah yang bukan mahkamah atasan, hendaklah suatu penghakiman yang dikenakan Perintah ini, jika –

- (a) penghakiman itu terakhir dan muktamad di antara pihak-pihak kepadanya ; dan
- (b) ada kena dibayar di bawahnya suatu jumlah wang, bukannya suatu jumlah wang yang kena dibayar berkaitan dengan cukai-cukai atau bayaran-bayaran lain yang sama jenisnya atau berkaitan dengan suatu denda atau hukuman lain ; dan
- (c) penghakiman itu diberikan selepas mula berjalan kuatkuasanya perintah yang mengarahkan bahawa Perintah ini hendaklah diperluaskan kepada negara asing tersebut.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu penghakiman hendaklah dianggap sebagai terakhir dan muktamad walaupun suatu rayuan mungkin belum lagi diputuskan terhadapnya, atau ia mungkin masih tertakluk kepada rayuan, di mahkamah-mahkamah negara mahkamah asal.

(4) Menteri boleh dengan suatu perintah yang kemudiannya yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* mengubah atau membatalkan sebarang perintah yang dahulunya dibuat di bawah bab ini.

4. (1) Seseorang, iaitu si piutang penghakiman di bawah suatu penghakiman yang dikenakan Perintah ini, boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi pada bila-bila masa dalam masa 6 tahun selepas tarikh penghakiman itu, atau, jika terdapat prosiding dengan cara rayuan terhadap penghakiman itu, selepas tarikh penghakiman terakhir yang diberikan dalam prosiding tersebut, supaya penghakiman itu didaftarkan di Mahkamah Tinggi, dan atas sebarang permohonan itu mahkamah hendaklah, tertakluk kepada bukti perkara-perkara yang ditetapkan dan peruntukan-peruntukan lain Perintah ini, memerintahkan supaya penghakiman itu didaftarkan.

Permohonan bagi, dan kesan pendaftaran penghakiman asing.

(2) Tiada penghakiman boleh didaftarkan jika, pada tarikh permohonan itu, –

- (a) ia telah dipenuhi seluruhnya ; atau

(b) ia tidak dapat dikuatkuasakan dengan pelaksanaan di negara mahkamah asal.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini berkenaan dengan pengetepian pendaftaran –

(a) suatu penghakiman berdaftar hendaklah, bagi maksud-maksud pelaksanaan, mempunyai kuatkuasa dan kesan yang sama ;

(b) prosiding boleh diambil atas suatu penghakiman berdaftar ;

(c) jumlah wang yang baginya suatu penghakiman didaftarkan hendaklah dikenakan faedah ; dan

(d) mahkamah pendaftaran hendaklah mempunyai kawalan yang sama ke atas pelaksanaan suatu penghakiman berdaftar,

seolah-olah penghakiman itu adalah suatu penghakiman yang pada asalnya diberikan di mahkamah pendaftar dan dicatatkan pada tarikh pendaftaran.

(4) Pelaksanaan hendaklah tidak dikeluarkan atas penghakiman itu selagi, di bawah Perintah ini dan Aturan-Aturan Mahkamah yang dibuat di bawahnya, adalah layak bagi mana-mana pihak untuk membuat suatu permohonan supaya pendaftaran penghakiman itu diketepikan, atau, jika permohonan itu dibuat, sehingga selepas permohonan itu diputuskan dengan muktamad.

(5) Jika jumlah wang yang kena dibayar di bawah suatu penghakiman yang akan didaftarkan dinyatakan dalam suatu matawang selain matawang Negara Brunei Darussalam, penghakiman itu hendaklah didaftarkan seolah-olah ia adalah suatu penghakiman bagi jumlah wang itu dalam matawang Negara Brunei Darussalam yang sama dengan jumlah wang yang kena dibayar itu, berdasarkan kepada kadar pertukaran matawang yang terpakai pada tarikh penghakiman mahkamah asal.

(6) Jika pada tarikh permohonan bagi pendaftaran penghakiman mahkamah asal telah dipenuhi sebahagiannya, penghakiman itu hendaklah tidak didaftarkan berkaitan dengan seluruh jumlah wang yang kena dibayar di bawah penghakiman mahkamah asal, tetapi hanya berkaitan dengan baki yang tinggal yang kena dibayar pada tarikh itu.

(7) Jika, atas suatu permohonan bagi pendaftaran suatu penghakiman, pada pendapat mahkamah pendaftar bahawa penghakiman itu berkaitan dengan perkara-perkara yang berlainan dan bahawa beberapa peruntukan, tetapi tidak semuanya, penghakiman itu adalah sebegitu rupa sehingga jika peruntukan-peruntukan itu terkandung dalam penghakiman-penghakiman yang berasingan penghakiman-penghakiman itu mungkin patut didaftarkan, maka penghakiman itu

boleh didaftarkan berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang disebutkan dahulu tetapi tidak berkaitan dengan sebarang peruntukan lain yang terkandung di dalamnya.

(8) Selain jumlah wang yang kena dibayar di bawah penghakiman mahkamah asal, termasuk sebarang faedah yang menurut undang-undang negara mahkamah asal menjadi kena dibayar di bawah penghakiman itu sehingga masa pendaftaran, penghakiman itu hendaklah didaftarkan bagi kos pendaftaran yang munasabah dan bersampingan dengan pendaftaran, termasuk kos mendapatkan satu salinan penghakiman itu yang diperakui daripada mahkamah asal.

5. (1) Atas suatu permohonan bagi maksud itu yang sempurna dibuat oleh mana-mana pihak yang terhadapnya suatu penghakiman berdaftar boleh dikuatkuasakan, pendaftaran penghakiman itu –

Kes-kes
bagaimana
penghakiman
berdaftar
mesti, atau
boleh diketepikan.

- (a) hendaklah diketepikan jika mahkamah pendaftar berpuas hati –
 - (i) bahawa penghakiman itu bukan suatu penghakiman yang dikenakan Perintah ini atau telah didaftarkan dengan melanggar bab-bab 2, 3 atau 4 ;
 - (ii) bahawa mahkamah negara mahkamah asal tidak mempunyai bidangkuasa dalam hal keadaan kes itu ;
 - (iii) bahawa penghutang penghakiman, iaitu defendan dalam prosiding di mahkamah asal, tidak (walaupun saman mungkin telah sempurna disampaikan kepadanya menurut undang-undang negara mahkamah asal) menerima notis prosiding itu dalam masa yang mencukupi untuk membolehkannya membela prosiding itu dan tidak hadir ;
 - (iv) bahawa penghakiman itu telah diperolehi dengan tipuan ;
 - (v) bahawa penguatkuasaan penghakiman itu mungkin bertentangan dengan dasar awam di negara mahkamah pendaftar ; atau
 - (vi) bahawa hak-hak di bawah penghakiman itu tidak terletak pada orang yang membuat permohonan untuk pendaftaran itu ;
- (b) boleh diketepikan jika mahkamah pendaftar berpuas hati bahawa perkara yang dipertikaikan dalam prosiding di mahkamah asal dahulunya sehingga tarikh penghakiman di mahkamah asal adalah menjadi perkara suatu penghakiman terakhir dan muktamad oleh sesebuah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam perkara itu.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, mahkamah-mahkamah negara mahkamah asal hendaklah, tertakluk kepada cerai (3), dianggap mempunyai bidangkuasa –

- (a) dalam hal suatu penghakiman yang diberikan dalam suatu tindakan in personam –
 - (i) Jika penghutang penghakiman, iaitu seorang defendan di mahkamah asal, patuh kepada bidangkuasa mahkamah itu dengan hadir secara sukarela dalam prosiding melainkan bagi maksud melindungi, atau mendapatkan pelepasan, harta yang dirampas, atau diancam dengan rampasan, dalam prosiding atau mempertikaikan bidangkuasa mahkamah tersebut ;
 - (ii) jika penghutang penghakiman adalah seorang plaintif dalam, atau dituntut balas dalam, prosiding di mahkamah asal ;
 - (iii) jika penghutang penghakiman, iaitu seorang defendan di mahkamah asal, sebelum bermulanya prosiding telah bersetuju, berkaitan dengan hal perkara prosiding, untuk patuh kepada bidangkuasa mahkamah tersebut atau mahkamah-mahkamah negara mahkamah itu ;
 - (iv) jika penghutang penghakiman, iaitu seorang defendan di mahkamah asal, pada masa apabila prosiding dimulakan, bermastautin di, atau iaitu suatu pertubuhan perbadanan yang mempunyai tempat perniagaannya yang utama di, negara mahkamah tersebut ; atau
 - (v) jika penghutang penghakiman, iaitu seorang defendan di mahkamah asal, mempunyai suatu pejabat atau tempat perniagaan di negara mahkamah tersebut dan prosiding di mahkamah itu adalah berkaitan dengan suatu urusan yang dilakukan melalui atau di pejabat atau tempat itu ;
- (b) dalam hal suatu penghakiman yang diberikan dalam suatu tindakan di mana hal perkaranya adalah harta tak alih atau dalam suatu tindakan in rem di mana hal perkaranya adalah harta alih, jika harta berkenaan pada masa prosiding di mahkamah asal terletak di negara mahkamah tersebut ; dan
- (c) dalam hal suatu penghakiman yang diberikan dalam suatu tindakan selain sebarang tindakan yang disebutkan dalam perenggan (a) atau (b), jika bidangkuasa mahkamah asal diiktiraf oleh undang-undang mahkamah pendaftar.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam cerai (2), mahkamah-mahkamah negara mahkamah asal tidaklah dianggap ada mempunyai bidangkuasa –

- (a) jika hal perkara prosiding adalah harta tak alih di luar negara mahkamah asal ;
- (b) kecuali dalam kes-kes yang disebutkan dalam cerai (2)(a)(i), (ii) dan (iii) dan (c), jika pengambilan prosiding di mahkamah asal bertentangan dengan suatu perjanjian yang di bawahnya pertikaian berkenaan hendak diselesaikan melainkan dengan prosiding di mahkamah-mahkamah negara mahkamah itu ; atau
- (c) jika penghutang penghakiman, iaitu seorang defendan dalam prosiding asal, adalah seorang yang di bawah aturan-aturan undang-undang antarabangsa awam berhak mendapat imuniti dari bidangkuasa mahkamah-mahkamah negara mahkamah asal dan tidak patuh kepada bidangkuasa mahkamah itu.

6. (1) Jika, atas suatu permohonan untuk menyetujui pendaftaran suatu penghakiman, pemohon memuassakan hati mahkamah pendaftar sama ada bahawa suatu rayuan belum lagi diputuskan, atau bahawa dia berhak dan bermaksud hendak merayu, terhadap penghakiman itu, mahkamah, jika difikirkannya patut, boleh, atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkannya adil, sama ada menyetujui pendaftaran itu atau menyanggahkan permohonan untuk menyetujui pendaftaran itu sehingga selepas tamat tempoh yang pada pendapat mahkamah mencukupi dengan munasabah untuk membolehkan pemohon mengambil langkah-langkah yang perlu supaya rayuan itu diselesaikan oleh tribunal yang layak.

Kuasa mahkamah pendaftar atas permohonan untuk menyetujui pendaftaran.

(2) Jika pendaftaran suatu penghakiman diketepikan di bawah cerai (1), atau hanya dengan sebab bahawa penghakiman itu pada tarikh permohonan untuk pendaftaran tidak boleh dikuatkuasakan dengan pelaksanaan di negara mahkamah asal, penyetujuan pendaftaran itu hendaklah tidak menjejaskan suatu permohonan selanjutnya untuk mendaftarkan penghakiman itu apabila rayuan itu telah diselesaikan atau jika dan apabila penghakiman itu menjadi boleh dikuatkuasakan dengan pelaksanaan di negara tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Jika pendaftaran suatu penghakiman diketepikan hanya dengan sebab bahawa penghakiman itu, walaupun ia pada tarikh permohonan untuk pendaftaran telah dipenuhi sebahagiannya, telah didaftarkan bagi seluruh jumlah wang yang kena dibayar di bawahnya, mahkamah pendaftar hendaklah, atas permohonan si piutang penghakiman, mengarahkan supaya penghakiman didaftarkan bagi baki yang tinggal yang kena dibayar pada tarikh itu.

Penghakiman asing yang dapat didaftarkan sebaliknya tidak boleh dikuatkuasakan.

7. Tiada prosiding bagi mendapatkan kembali suatu jumlah wang yang kena dibayar di bawah suatu penghakiman asing, iaitu suatu penghakiman yang dikenakan Bahagian ini, selain prosiding dengan cara pendaftaran penghakiman itu, boleh dilayan oleh mana-mana mahkamah di Negara Brunei Darussalam.

Aturan-Aturan Mahkamah. Penggal 5.

8. (1) Kuasa untuk membuat Aturan-Aturan Mahkamah di bawah bab 12 dari Akta Mahkamah Besar hendaklah, tertakluk kepada bab ini, termasuk kuasa untuk membuat aturan-aturan bagi maksud-maksud yang berikut :

- (a) pemberian jaminan kos oleh orang-orang yang memohon untuk pendaftaran penghakiman ;
- (b) perkara-perkara yang hendak dibuktikan atas suatu permohonan bagi pendaftaran suatu penghakiman dan untuk mengawalselia cara membuktikan perkara-perkara tersebut ;
- (c) penyampaian notis pendaftaran suatu penghakiman kepada penghutang penghakiman ;
- (d) penetapan tempoh bila suatu permohonan boleh dibuat supaya pendaftaran penghakiman itu diketepikan dan berkenaan dengan lanjutan tempoh yang ditetapkan itu ;
- (e) cara hendak memutuskan sebarang persoalan yang berbangkit di bawah Perintah ini sama ada suatu penghakiman asing boleh dikuatkuasakan dengan pelaksanaan di negara mahkamah asal, atau berapa faedah yang kena dibayar di bawah suatu penghakiman asing di bawah undang-undang mahkamah asal ; dan
- (f) menetapkan sebarang perkara yang di bawah Akta ini hendak atau boleh ditetapkan.

(2) Aturan-aturan tersebut hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada sebarang peruntukan yang terkandung dalam perintah-perintah yang dibuat di bawah bab 3 yang ditetapkan oleh perintah-perintah tersebut sebagai perlu bagi menguatkuasakan perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara Menteri dan negara-negara asing berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubung dengannya ada kuasa untuk membuat aturan-aturan itu.

BAHAGIAN II
RAMPAIAN DAN AM

9. (1) Tertakluk kepada bab ini, suatu penghakiman yang dikenakan atau sepatutnya dikenakan Perintah ini jika suatu jumlah wang telah kena dibayar di bawahnya, sama ada atau tidak ia dapat didaftarkan atau ia didaftarkan, hendaklah diiktiraf di mana-mana mahkamah di Negara Brunei Darussalam sebagai muktamad di antara pihak-pihak kepadanya dalam semua prosiding yang diasaskan kepada alasan tindakan yang sama dan boleh disandarkan dengan cara pembelaan atau tuntutan balas dalam sebarang prosiding tersebut.

Kesan am
penghakiman
asing
tertentu.

(2) Bab ini hendaklah tidak dikenakan dalam hal sebarang penghakiman –

- (a) jika penghakiman itu telah didaftarkan dan pendaftarannya telah diketepikan atas sesuatu alasan selain bahawa –
 - (i) suatu jumlah wang tidak kena dibayar di bawah penghakiman itu ;
 - (ii) penghakiman itu telah dipenuhi seluruhnya atau sebahagiannya ; atau
 - (iii) pada tarikh permohonan penghakiman itu tidak dapat dikuatkuasakan dengan pelaksanaan di negara mahkamah asal ; atau
- (b) jika penghakiman itu belum didaftarkan, ia ditunjukkan (sama ada ia mungkin telah didaftarkan atau tidak) bahawa jika ia telah didaftarkan pendaftarannya sepatutnya diketepikan atas suatu permohonan bagi maksud itu atas sesuatu alasan selain salah satu alasan yang dinyatakan dalam perenggan (a).

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab in boleh dianggap sebagai menghalang mana-mana mahkamah di Negara Brunei Darussalam dari mengiktiraf sebarang penghakiman sebagai muktamad mengenai sebarang perkara undang-undang atau fakta yang diputuskan di dalamnya jika penghakiman itu sepatutnya diiktiraf demikian sebelum Perintah ini diluluskan.

10. (1) Jika pada pendapat Menteri bahawa pengiktirafan dan penguatkuasaan yang diberikan oleh mahkamah-mahkamah di mana-mana negara asing terhadap penghakiman-penghakiman yang diberikan di Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam pada keseluruhannya kurang baik dari yang diberikan oleh mahkamah-mahkamah Negara Brunei Darussalam terhadap penghakiman-penghakiman mahkamah

Kuasa untuk
menjadikan
penghakiman
asing tidak boleh
dikuatkuasakan
di Negara Brunei
Darussalam jika
tidak ada layanan
timbal balik.

atasan negara tersebut, Menteri boleh dengan perintah mengenakan bab ini kepada negara tersebut.

(2) Kecuali setakat mana Menteri boleh dengan Perintah di bawah bab ini mengarahkan sebaliknya, tiada prosiding boleh dilayan di mana-mana mahkamah di Negara Brunei Darussalam bagi mendapatkan kembali sebarang jumlah wang yang dikatakan kena dibayar di bawah suatu penghakiman yang diberikan di mahkamah sesebuah negara yang dikenakan bab ini.

(3) Menteri boleh dengan suatu perintah yang kemudiannya mengubah atau membatalkan sebarang perintah yang dahulunya dibuat di bawah bab ini.

Pengeluaran perakuan penghakiman yang diperolehi di Negara Brunei Darussalam.

11. (1) Jika suatu penghakiman yang di bawahnya suatu jumlah wang kena dibayar, bukannya suatu jumlah wang yang kena dibayar berkaitan dengan cukai atau bayaran lain yang sama jenisnya atau berkaitan dengan suatu denda atau hukuman lain, telah dicatatkan di Mahkamah Tinggi terhadap mana-mana orang dan si piutang penghakiman berhasrat hendak menguatkuasakan penghakiman itu di sesebuah negara asing mahkamah hendaklah, atas suatu permohonan yang dibuat oleh si piutang penghakiman dan apabila membayar bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan, mengeluarkan kepada si piutang penghakiman satu salinan penghakiman itu yang diperakui, berserta dengan suatu perakuan yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan berkenaan dengan tindakan itu, termasuk alasan tindakan, dan kadar faedah, jika ada, yang kena dibayar atas jumlah wang yang kena dibayar di bawah penghakiman itu.

(2) Jika pelaksanaan suatu penghakiman ditangguhkan bagi sebarang tempoh sementara menunggu keputusan suatu rayuan atau atas sebarang sebab lain, suatu permohonan hendaklah tidak dibuat di bawah bab ini berkenaan dengan penghakiman itu sehingga tamat tempoh tersebut.

Pemansuhan.

12. Undang-Undang Penguatkuasaan Timbal Balik Penghakiman, 1954 adalah dimansuhkan.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Zulkaedah tahun Hijrah 1416 bersamaan dengan 27 haribulan Mac, tahun Masihi 1996 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM